



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia



Tel: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.sabah.gov.my

Rujukan: JBNS.No.A(D-APP)400-14/1/(116)

Tarikh: 22 Mei 2009

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 3/2009 PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN AM DIBAWAH AMAUN RM100,000.00 MELALUI e-BANKING.

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan pelaksanaan pembayaran **Baucar-Baucar Bayaran Am** dibawah **jumlah RM100,000.00** dibuat melalui Alliance Online Banking.
- 1.2 Pekeling ini adalah lanjutan kepada pekeling Jabatan ini JBNS: Bil. 3/2005, bertarikh 06 Jun 2005, Bil. 09/2005, bertarikh 17 Oktober 2005 dan Bil. 11/2007, bertarikh 05 Oktober 2007.

2. KAEDAH PEMBAYARAN MENGGUNAKAN ALLIANCEONLINE BANKING

- 2.1 Kaedah pembayaran menggunakan Alliance Online Banking dibuat tanpa menggunakan cek. Ini bermakna cek-cek tidak lagi akan dikeluarkan kepada penerima. Pembayaran kepada penerima akan dibuat oleh Jabatan Bendahari Negeri Sabah, secara online (elektronik) dengan debit terus (direct debit) Akaun Jabatan Bendahari Negeri Sabah di Alliance Bank Malaysia Bhd (ABMB).
- 2.2 Penerima yang mempunyai akaun bank dengan ABMB, pembayaran akan dibuat ke akaun penerima secara pemindahan kredit.

- 2.3 Manakala bagi penerima yang mempunyai akaun bank selain ABMB, bayaran akan dilaksanakan menerusi bayaran Inter bank Giro (IBG) yang menggunakan kaedah *Bulk-Payments* atau *Rentas*.
- 2.4 Penerima akan dimaklumkan mengenai pembayaran tersebut melalui salinan baucer bayaran (salinan baucer penerima) yang mengandungi nombor rujukan bayaran ebanking dan tarikh pembayaran dibuat dan dikirim ke alamat penerima seperti tertera di dalam baucer bayaran. Tuan/Puan adalah diminta memastikan alamat penerima dalam baucer bayaran adalah tepat dan kemaskini.

3. CAJ PERKHIDMATAN BANK

- 3.1 Caj perkhidmatan bank sejumlah RM0.40 akan dikenakan dan jumlah tersebut akan didebit daripada akaun penerima apabila ABMB mengkreditkan pembayaran ke Akaun Bank penerima masing-masing.
- 3.2 Bagi penerima yang mempunyai akaun bank dengan ABMB, caj perkhidmatan bank tidak dikenakan.

4. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 4.1 Ketua Jabatan/ Kementerian dan Pihak Penyedia baucer bayaran adalah bertanggungjawab memastikan '**Borang Pengesahan Akaun Bank Penerima**' seperti terdapat pada **Lampiran C** dilengkapkan dan ditandatangani oleh penerima/ pemilik bayaran tersebut. Pembayaran tuntutan tersebut akan dikreditkan ke Akaun Penerima seperti akaun dan nama bank tercatat dalam **Lampiran C** dan baucer bayaran yang dibekalkan.

5. TARIKH PELAKSANAAN PEMBAYARAN MELALUI E-BANKING

- 5.1 Pelaksanaan kaedah pembayaran ini akan bermula pada 01 Julai 2009 dan pekeling ini adalah juga dipanjangkan untuk diimplimenatsi oleh semua Jabatan Mengakaun Sendiri.

6. PENUTUP

- 6.1 Sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan mengenai dengan pelaksanaan kaedah pembayaran ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Pembayaran Dan Penerimaan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah di talian 088-252446, emel: Seria.Indan@sabah.gov.my atau Timbalan Bendahari Negeri, di talian 088-251453, emel: Ashafiuddin.Abidin@sabah.gov.my.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH”



(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

S.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88595 KOTA KINABALU

S.k. Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Sabah
Tingkat 7, Rumah Persekutuan
KOTA KINABALU

S.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

SI/Is.

LAMPIRAN C

Borang Pengesahan Akaun Bank Untuk Pembayaran Baucar Bayaran Am Melalui Alliance Online Banking

Nama Penerima/Syarikat : (sila guna HURUF BESAR):.....

.....

Alamat Penerima/ Syarikat :.....

Email.....

Nombor Akaun Bank :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(diisi tanpa sengkang dan jarak)

Nama Bank :.....

Cawangan Bank:.....

Saya sahkan bahawa maklumat dan butir-butir mengenai Akaun Bank seperti di atas adalah benar dan milik sah Syarikat saya/kami:

Saya/kami bersetuju caj perkhidmatan Bank (Jika ada) atas bayaran yang didebit terus ke Akaun berkenaan.

()

Nama:

Jawatan:.....Cop Rasmi Syarikat/Perniagaan:

Tarikh: